

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

PROSEDUR PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

DISEDIAKAN OLEH:	DISEMAK OLEH:	DISAHKAN OLEH:
Tandatangan & Cop ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop HAJI MOHD NIZAM BIN MAHAYUDDIN SMP., AAP. Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop DATUK ZALITA BIN ZULKIPLI, Dewan Negeri Datuk Bandar Kuantan Majlis Bandaraya Kuantan
Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026

NO. SALINAN TERKAWAL	PEMEGANG DOKUMEN (TANDATANGAN & COP RASMI)
BI 06 (02)	ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

REKOD PINDAAN

KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN	DILULUSKAN OLEH
01	04 Julai 2023	Pertukaran Datuk Bandar Kuantan	Pengurus SPAR MBK
02	03 April 2026	Mengemaskini dan menyelaraskan prosedur selaras dengan piawaian MS ISO 37001:2025.	Datuk Bandar Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Prosedur ini bertujuan untuk memastikan aktiviti risiko dapat dijalankan dalam keadaan teratur, selaras dan berkesan.
- 1.2 Membangunkan proses pengurusan risiko untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai dan mengawal risiko rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini digunapakai oleh semua jabatan, bahagian di Majlis Bandaraya Kuantan bagi melaksanakan tindakan Pengurusan Risiko Rasuah merangkumi mengenal pasti risiko, penilaian dan tindakan ke atas risiko yang ekstrem, tinggi dan sederhana.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) Majlis;
- 3.2 MS ISO 37001:2016 – Klausula 4.5 Penilaian Risiko Rasuah;
- 3.3 Akta 694 SPRM 2009

4.0 DEFINISI

- 4.1 Risiko - Kesan ketidakpastian terhadap objektif.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

5.0 SINGKATAN

- 5.1 MBK - Majlis Bandaraya Kuantan
- 5.2 DBK - Datuk Bandar Kuantan
- 5.3 S/U - Setiausaha
- 5.4 PJ - Pengarah Jabatan
- 5.5 KB - Ketua Bahagian
- 5.6 BI - Bahagian Integriti
- 5.7 PYB - Pegawai Yang Bertanggungjawab
- 5.8 PR - Pegawai Risiko Jabatan / Bahagian

6.0 PROSEDUR

BIL	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
01.	BI / PR	<u>6.1 Mengenalpasti Risiko</u> 6.1.1 Kenalpasti aktiviti yang perlu dilaksanakan penilaian risiko berdasarkan kepada proses sediaada. Setiap jabatan / bahagian / unit akan merekodkan senarai aktiviti di dalam format Daftar Pelan Risiko dan Peluang. 6.1.2 Sewaktu mengenalpasti risiko rasuah yang dijangkakan berpotensi berlaku, setiap jabatan / bahagian di MBK haruslah berpandukan faktor berikut: a) Konteks Organisasi;

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

		b) Keperluan dan Jangkaan Pihak Berkepentingan / Pemegang Taruh c) Punca Risiko; d) Risiko yang menghalang pencapaian objektif yang telah ditetapkan; dan e) Kesan terhadap punca risiko. 6.1.3 Setiap jabatan / bahagian perlu menyatakan kawalan sedia ada yang kini dilaksanakan atau digunakan bagi menghalang berlakunya risiko yang dijangkakan berlaku.
02.	PJ / KB / PYB / PR	6.2 Penilaian Risiko 6.2.1 Penilaian risiko dibuat berdasarkan kebarangkalian risiko dan impak risiko kepada MBK sekiranya risiko yang dijangkakan tersebut terjadi, serta mengambilkira kawalan sedia ada yang telah dilaksanakan. 6.2.2 Sewaktu mengukur kebarangkalian, setiap jabatan / bahagian / unit hendaklah menilai skala 1 hingga 5 akan kebarangkalian atau kemungkinan risiko tersebut berlaku dengan merujuk kepada Parameter Kebarangkalian (Lampiran A).

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

6.2.3

Impak risiko diukur berpandukan Parameter Impak Risiko **(Lampiran B)**. Faktor yang diukur adalah:

- a) Imej / reputasi
- b) Aduan awam
- c) Pematuhan perundangan
- d) Kewangan
- e) Operasi
- f) Maklumat

6.2.4

Setiap jabatan / bahagian / unit haruslah menentukan kemungkinan impak risiko daripada setiap faktor yang diukur berpandukan Parameter Impak Risiko **(Lampiran B)**, antaranya:

- a) Tidak Berkesan;
- b) Kecil;
- c) Sederhana;
- d) Besar; atau
- e) Sangat Besar

6.2.5

Tahap risiko pula adalah berdasarkan Matrik Risiko **(Lampiran C)** dan formulanya adalah seperti berikut:

- **Tahap Risiko = Kebarangkalian Risiko (P) X Impak Risiko (I)**

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

		6.2.6 Warna bagi tahap risiko didalam Matrik Risiko menentukan pelan tindakan yang bakal dirancang atau dijalankan bagi merawat risiko berdasarkan Tahap Risiko (Lampiran D).
03.	PJ / KB / PYB / PR	6.3 Rawatan Risiko 6.3.1 Setiap jabatan / bahagian perlu melaksanakan rawatan risiko bagi tahap risiko yang telah diperincikan seperti di dalam Lampiran D. 6.3.2 Tindakan kawalan yang dirancang harus mempunyai tarikh siap untuk menentukan sumber keperluan kepada pelan tindakan yang dirangka. Setiap pelan tindakan kawalan haruslah mempunyai pemilik yang terdiri daripada jabatan / bahagian yang berkaitan. 6.3.3 Setiap jabatan / bahagian masing-masing akan memantau dan menilai sejauh mana keberkesanan tindakan kawalan tersebut.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

		6.3.4 Sebarang potensi peluang yang dikenalpasti sewaktu merawat risiko perlu dinyatakan didalam Daftar Pelan Risiko dan Peluang.
04.	PJ / KB / PYB / PR	6.4 Pemantauan Risiko 6.4.1 Setiap jabatan / bahagian hendaklah memastikan semua maklumat didalam Daftar Risiko dan Peluang adalah yang terkini dengan mengambil kira: a) Jika berlaku sebarang kes baru yang berkaitan risiko; b) Jika berlaku sebarang perubahan struktur dan fungsi Jabatan/Bahagian MBK; c) Keberkesanan tindakan kawalan yang dilaksanakan. 6.4.2 Membuat semakan semula Daftar Pelan Risiko dan Peluang secara keseluruhan sekurang-nya sekali dalam tempoh setahun. 6.4.3 Membentangkan Laporan Risiko Rasuah pada peringkat Lembaga Pengarah sekali setahun.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

	6.4.4 Maklumkan kepada semua pegawai di bawah di setiap jabatan / bahagian perlu melaksanakan rawatan risiko bagi tahap risiko yang telah diperincikan di dalam Lampiran D. 6.4.5 Tindakan kawalan yang dirancang harus mempunyai tarikh siap untuk menentukan sumber keperluan kepada pelan tindakan yang dirangka. Setiap pelan tindakan kawalan haruslah mempunyai pemilik yang terdiri daripada jabatan / bahagian yang berkaitan. 6.4.6 Setiap jabatan / bahagian masing-masing akan memantau dan menilai sejauh mana keberkesanan tindakan kawalan tersebut. 6.4.7 Sebarang potensi peluang yang dikenalpasti sewaktu merawat risiko perlu dinyatakan di dalam Daftar Pelan Risiko dan Peluang.
--	--

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 06
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.0 REKOD-REKOD

BIL	JENIS REKOD	TEMPOH SIMPANAN	LOKASI
1.	Daftar Pelan Risiko dan Peluang	10 Tahun	Jabatan / Bahagian

8.0 LAMPIRAN

- 7.1 Lampiran A : Parameter Kebarangkalian
7.2 Lampiran B : Parameter Impak Risiko
7.3 Lampiran C : Matrik Risiko
7.4 Lampiran D : Impak Risiko

-TAMAT-

PARAMETER KEBARANGKALIAN

KEBARANGKALIAN	PARAMETER
SANGAT KERAP - i Kerap berlaku (melebihi 12 kali setiap tahun) - ii Akan kerap berlaku dan proses kerja perlu sentiasa di - iii pantau.	5
KERAP - i Tidak kerap berlaku jika proses dibetulkan (antara 6 – 11 kali setahun) - ii Isu dikenal pasti dengan aktiviti audit minimum. - iii Kegagalan proses prestasi jelas kepada penyelia dan juruaudit.	4
SEKALI SEKALA - i Pernah berlaku / sekali sekala (3-5 kali dalam setahun) - ii Isu-isu yang berpotensi ditemui semasa semakan / pemantauan / audit / review.	3
JARANG-JARANG - i 1-2 kali dalam setahun - ii Penemuan isu yang minimum semasa semakan / pemantauan / audit / review.	2
MUSTAHIL i Tidak akan berlaku.	1

PARAMETER IMPAK RISIKO SPAR

SKALA / DIMENSI	SANGAT KECIL	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
	1	2	3	4	5
REPUTASI	Tiada Kesan kepada reputasi dan imej	Reputasi dan imej unit/individu yang terlibat tercalar	Reputasi dan imej jabatan/bahagian terlibat tercalar	Reputasi dan imej majlis tercalar yang berkemungkinan menyebabkan operasi majlis bandaraya digantung	Reputasi dan imej majlis tercalar yang berkemungkinan menyebabkan operasi majlis bandaraya dihentikan
ADUAN INTEGRITI	<5 per bulan	6-10 per bulan	11-19 bulan	20-39 bulan	>40 bulan
PEMATUHAN PERUNDANGAN	Tiada tindakan	Hukuman minima (Amaran)	Hukuman Sederhana (Denda, lucuthak, penangguhan, turun gaji)	Hukuman tinggi (Turun pangkat)	Hukuman tinggi serta pertuduhan jenayah (buang kerja)
KEWANGAN	Tiada kerugian	Kerugian setahun antara RM1 hingga RM999k	Kerugian setahun antara RM1juta hingga RM2.499juta	Kerugian setahun antara RM2.5juta hingga RM4.999juta	Kerugian setahun melebihi RM5juta
OPERASI	Tiada gangguan ke atas operasi	Hanya operasi tertentu yang terjejas	Operasi terganggu namun masih boleh berjalan	Operasi terjejas dan boleh menyebabkan aktiviti terhenti	Operasi terjejas dan boleh menyebabkan kerugian yang besar
MAKLUMAT	Maklumat lengkap	Kesalahan maklumat (perkataan)	Pemindaan maklumat	Kebocoran maklumat	Pemalsuan Maklumat

MATRIK RISIKO

IMPAK (I)

		TIADA KESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
		1	2	3	4	5
KEBARANGKALIAN (P)	5 HAMPIR PASTI	5	10	15	20	25
	4 KEMUNGKINAN TINGGI	4	8	12	16	20
	3 ADA KEMUNGKINAN	3	6	9	12	15
	2 KEMUNGKINAN RENDAH	2	4	6	8	10
	1 JARANG	1	2	3	4	5

FORMULA

TAHAP RISIKO = KEBARANGKALIAN RISIKO (P) X IMPAK RISIKO (I)

PROSEDUR PENGURUSAN RISIKO RASUAH

TAHAP RISIKO SPAR

	TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN
	TAHAP EKSTREM	20-25	• Risiko tidak boleh diterima (ekstrem) • Perhatian segera <i>governing body</i> dan pihak pengurusan • Tindakan segera perlu diambil sebagai rawatan risiko • Kategori risiko adalah signifikan
	TAHAP TINGGI	10-16	• Risiko tidak boleh diterima (tinggi). • Perhatian segera jabatan. • Pelan tindakan rawatan risiko diperlukan. • Kategori risiko adalah signifikan.
	TAHAP SEDERHANA	6-9	• Risiko tidak boleh diterima (Sederhana). • Perhatian segera bahagian. • Pelan tindakan rawatan risiko diperlukan. • Kategori risiko adalah signifikan.
	TAHAP RENDAH	1-5	• Tidak perlu tindakan selanjutnya, walaubagaimanapun hendaklah sentiasa dipantau. • Risiko diurus melalui kawalan sediaada